



KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM MEKAR: HILANGKAN RESAH WARIS WARGA EMAS OKU, MILIKI MYKAD

6 September 2023, Terengganu – Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) anjuran Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kali lagi berjaya menghilangkan keresahan waris seorang warga emas kurang upaya (OKU) berstatus warganegara apabila penyerahan kad pengenalan (MyKad) disampaikan sendiri oleh Ketua Pengarah JPN, Zamri bin Misman di Kampung Telaga Daing, Kuala Nerus, Terengganu hari ini. Program yang sinonim dengan slogan ‘Rakyat Dihati JPN’ ini turut disertai oleh Pengarah JPN Terengganu, Mohamad Nasir Bin Kareem.

Abdul Wahab bin Saleh, yang berusia 71 tahun telah dilahirkan di Kampung Pasir Tinggi, Terengganu pada 1 September 1952. Beliau merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) kategori lembam. Beliau tidak pernah berkahwin dan tiada tempat kediaman yang tetap serta hidup menumpang dengan saudara-mara.

Usaha bagi mendapatkan kad pengenalan subjek telah diusahakan oleh anak saudara beliau, Normah binti Mamat, pada Mei 2023 berikutan kesukaran pembiayaan kos rawatan kesihatan di hospital dan keperluan bagi mendapatkan bantuan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana beliau tidak mempunyai MyKad, namun hanya memiliki sijil kelahiran bertaraf warganegara. Permohonan bagi mendapatkan dokumen pengenalan diri ini telah dipermudahkan oleh Pasukan MEKAR JPN Terengganu yang telah turun ke lapangan bagi melengkapkan permohonan tersebut.

Program MEKAR JPN merupakan satu program turun padang dimana urusan pengeluaran dokumen pengenalan diri seperti MyKad, dan sijil kelahiran kepada

golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas, pesakit terlantar dan mereka yang tinggal di pedalaman. Usaha proaktif JPN bagi memastikan setiap penduduk di Malaysia yang layak dikeluarkan dokumen pengenalan diri yang sah dan sekaligus membolehkan mereka menikmati pelbagai bantuan dan kemudahan yang ditawarkan Kerajaan. Selain itu, pendekatan ambil peduli JPN ini selaras dengan elemen ihsan dalam konsep Malaysia Madani. JPN menyeru orang ramai melaporkan kepada mana-mana 212 Pejabat JPN seluruh Malaysia untuk sama-sama membantu bagi membantu mana-mana individu yang mengalami masalah dokumen pengenalan diri.

JPN akan terus komited dalam menjalankan aktiviti turun padang bagi rakyat mendapatkan perkhidmatan JPN tanpa mengira latar belakang, status, bangsa dan agama serta keberadaan mereka di seluruh negara demi mewujudkan kesejahteraan rakyat. Maklumat lanjut berkenaan Program MEKAR, orang ramai boleh menghubungi talian telefon 03-8880 7208/7209 atau emelkan ke [mekar@jpn.gov.my](mailto:mekar@jpn.gov.my).

**TAMAT.**

---

*Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.*

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendaftaran Negara  
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)*